

Sedia prasarana pendidikan anjal

B.M 29166102 M155

Potensi modal insan dibentuk dari peringkat usia muda

Oleh Mohamed Farid Noh

KUALA LUMPUR: Raja Muda Perak, Raja Dr Nazrin Shah semalam bertitah, satu daripada kejayaan negara maju kerana keupayaan menerima realiti kepelbagaian warganya dengan menyediakan prasarana pendidikan yang dapat mengoptimumkan perkembangan dan pembangunan potensi yang pelbagai.

Baginda bertitah, pendekatan sistem pendidikan di negara maju memberi ruang dan membenarkan berlakunya fleksibiliti bagi membangunkan potensi modal insan dari peringkat usia yang paling awal.

“Negara maju tidak sekadar berjaya melahirkan cerdik pandai dan cendekiawan yang agung, malah di negara maju itu jugalah lahirnya majoriti jaguh agung dalam bidang su-

“*Negara maju tidak sekadar berjaya melahirkan cerdik pandai dan cendekiawan yang agung, malah melahirkan jaguh sukan, seni, sastera, lakonan, teater, pereka fesyen dan bermacam bidang lagi*”

kan, seni, sastera, lakonan, teater, pereka fesyen dan bermacam bidang lagi.

“Masyarakat di negara maju menafsir dan memahami secara lebih mendalam falsafah yang tersirat di sebalik khazanah alam yang tersurat ini dengan menerima realiti kepelbagaian insan, lantas memberikan segala dorongan serta membina prasarana bagi tunas muda berbakat ini supaya mereka dapat berkembang,” titah baginda pada majlis Anugerah Cemerlang Tahun 2008 Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Melati, Gombak, di sini.

Pada majlis itu, Raja Dr Nazrin turut menghulurkan sumbangan peribadi RM100,000 untuk tabung pembangunan sekolah itu.

Hadir sama, Raja Puan Besar Perak, Tuanku Zara Salim yang berkenan menyampaikan anugerah ce-

Raja Dr Nazrin Shah
Raja Muda Perak



BERNAMA

KENAL MESRA: Raja Dr Nazrin Shah dan Tuanku Zara beramah mesra dengan guru Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Melati selepas sesi bergambar kenang-kenangan sempena Majlis Anugerah Cemerlang sekolah itu, semalam.

merlang kepada semua pelajar dan guru sekolah itu.

Turut hadir, Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Alimuddin Mohd Dom dan pengetua sekolah itu, Datin Seri Panglima Zavirah Shaari.

Raja Dr Nazrin bertitah, sistem penilaian dalam pendidikan yang terlalu taksub kepada prestasi pencapaian akademik semata-mata adalah bercanggah dengan hukum alam, membuatkan pandangan pendidikan

menjadi kabur, tidak berfikiran jauh dan gagal mentafsir falsafah pendidikan yang lebih luas lagi komprehensif.

Baginda bertitah, data memperlihatkan bahawa pada 2006, bilangan pelajar yang mendaftar masuk ke darjah satu berjumlah 500,000 orang, sementara pengambilan pelajar ijazah pertama ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di negara ini bagi 2007 hanyalah seramai 76,000 orang.

“Ini adalah realiti, bahawa tidak semua pelajar akan berjaya menjadi mahasiswa malah realitinya lebih ramai bilangan pelajar yang tidak berpeluang menjejakkan kaki di kampus universiti.

“Apakah dan di manakah mereka ini disalurkan. Bahawa negara, malah dunia tidak dapat berfungsi sepenuhnya jika kesemua warga dunia menjadi profesor di universiti,” titah baginda.